

01 DEC 1999

Mahathir-LIMA

INDUSTRI AEROANGKASA PERLU PERKONGSIAN PINTAR ANTARABANGSA

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Industri aeroangkasa dan maritim tempatan perlu mengadakan "perkongsian pintar" bersama syarikat-syarikat antarabangsa untuk menggiatkan lagi pembangunan industri-industri itu di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Industri aeroangkasa dan maritim adalah industri berintensifkan teknologi serta bernilai tambah dan boleh menjadi pemangkin bagi pembangunan teknologi baru dan bagi pertumbuhan ekonomi."

Adalah diramalkan industri aeroangkasa dan maritim antarabangsa akan berusaha gigih untuk mencapai perkongsian pintar yang bermakna dengan industri aeroangkasa dan maritim tempatan, kata beliau dalam ucapan perasmian Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1999 (LIMA'99) di sini.

Melalui cara ini, kata beliau, mereka bukan sahaja akan dapat mewujudkan perkongsian perniagaan yang lebih kukuh dalam jangka panjang serta meneroka pasaran yang meningkat di rantau, tetapi juga boleh mengambil kesempatan daripada kadar kompetitif mata wang Malaysia serta tenaga kerja yang mahir dan berdisiplin.

Bahasa juga tidak menjadi masalah kerana rakyat Malaysia secara amnya sudah biasa dengan bahasa Inggeris kata Dr Mahathir dalam majlis antarabangsa pertamanya selepas pilihan raya umum pada Isnin lepas.

Kira-kira 1,000 syarikat tempatan dan antarabangsa menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Angkasa Langkawi (LIMA) selama enam hari itu. Bahagian maritim dianjurkan oleh HW LIMA manakala bahagian angkasa oleh LIMA Le Proton.

"Saya juga ingin menarik perhatian di sini bahawa sesetengah daripada syarikat tempatan sudah mula maju dalam mereka bentuk dan mengeluarkan produk mereka sendiri.

"Oleh itu usaha tempatan kita mesti disepadukan lagi dengan kepentingan dan penyertaan antarabangsa melalui 'perkongsian pintar' untuk melahirkan situasi menang-menang bagi mereka yang terlibat."

Beliau berkata Malaysia berharap masanya akan tiba tidak lama lagi apabila lebih banyak syarikat Malaysia dapat bersaing dan memenangi kontrak antarabangsa dalam sektor aeroangkasa dan maritim.

"Saya percaya rantau Asia Pasifik secara keseluruhannya akan menawarkan peluang perniagaan yang banyak dalam bidang aeroangkasa dan maritim kepada semua pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata syarikat aeroangkasa Malaysia juga sedang menerokai bidang teknologi tinggi seperti integrasi sistem dan pembangunan simulator.

Malaysia hari ini telah melangkah ke hadapan dalam kebolehan untuk terlibat dengan penuh bermakna dalam industri aeroangkasa dan maritim bersama OEMs (Pengeluar Asal Peralatan) di luar negara.

Seperti industri aeroangkasa, Dr Mahathir berkata, "kepentingan industri maritim negara juga diiktiraf oleh kerajaan Malaysia."

Beliau berkata, "dengan rantau Asia Pasifik semakin pulih daripada krisis kewangan dan ekonomi, permintaan bagi pengangkutan laut dijangka mencatat pertumbuhan yang tinggi".

Memandangkan peluang yang agak besar untuk pertumbuhan lebih lagi industri maritim, langkah-langkah sudah dan akan diambil untuk menambah kapasiti dan operasinya."

Satu sektor pertumbuhan dalam industri maritim ialah, kata Perdana Menteri pembangunan industri kapal perang.

Beliau berkata, ia dipromosi dengan aktif oleh kerajaan memandangkan lebih ramai rakyat Malaysia telah menjadi mewah dan mahu menikmati "gaya hidup belayar dengan perahu layar".

"Bilangan marina dan pusat percutian tepi pantai yang terus meningkat membuktikannya. Untuk melengkapkan lagi gaya hidup baru ini ialah pembangunan pusat-pusat percutian tasik."

Satu lagi perkembangan penting bagi industri maritim negara ialah bilangan dan kapasiti limbongan membaiki dan membina kapal yang telah meningkat berkali ganda.

Dr Mahathir berkata, pembelian frigat dan projek kapal peronda Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang dijalankan oleh NSD-Naval Dockyard bersama German Naval Group adalah antara usaha kerajaan untuk merangsangkan lagi aktiviti membina dan membaiki kapal di negara ini.

Pada sama yang sama kerajaan juga meningkatkan pengetahuan teknikal tempatan melalui pelbagai kaedah pemindahan teknologi asing.

"Kita sudahpun boleh membina bot feri kelajuan tinggi untuk dieksport ke seluruh dunia. Dalam bidang teknologi tinggi ini, industri maritim tempatan perlu memainkan peranan agresif dalam aktiviti teknologi tinggi seperti rekabentuk dan pembangunan kapal perang.

"Ini lama-kelamaan akan menggalakkan pembangunan kepakaran tempatan dalam bidang senibina perkapalan, kejuruteraan marin, komunikasi marin dan sebagainya," kata beliau.

Kata Dr Mahathir: "Dalam pasaran global, hanya yang kuat akan berjaya. Untuk mencapai kejayaan, kita perlu mencari bidang yang kita mempunyai kelebihan. Kita perlu membangunkan kekuatan kita sendiri...kita perlu memikirkan tentang perkongsian strategik, malahan penggabungan untuk menjadi lebih berdaya saing."

Satu ciri penting yang kini terdapat dalam siri pameran Lima ialah pengwujudan astaka Malaysia dalam Lima '99, untuk memberi ruang kepada syarikat aeroangkasa dan maritim Malaysia mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka.

Beberapa kontrak, tempahan belian dan memorandum persefahaman (MoU) dijangka ditandatangani semasa pameran Lima ini antara syarikat tempatan dan asing. Ini termasuk perjanjian antara SME Aerospace dan British Aerospace dan antara SME Aerospace dan Alenia Aerospazio dari Itali.

"Saya rasa bangga mendapati syarikat aeroangkasa kita sudah mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat aeroangkasa yang terkemuka di dunia untuk menubuhkan pakatan strategik bagi menjalankan usaha mengeluarkan bahagian dan komponen pesawat terbang secara dilesenkan atau subkontrak," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA
NH/GM RM PR